

LAPORAN SUKU TAHUN KETIGA WAKAF SELANGOR MUAMALAT BAGI BULAN JULAI HINGGA SEPTEMBER 2013

1.0 Aktiviti Semasa WSM (Julai 2013 - September 2013):

1.1 Taklimat dan Penerangan WSM

BIL	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1	Taklimat dan promosi WSM kepada kakitangan DRB Hicom	Wisma DRB Hicom	24 Julai 2013
2	Pembentangan Kertas Kerja "Wakaf Tunai Pengalaman BMMB" kepada pegawai-pegawai kerajaan & peserta program	Institut latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi	20 Ogos 2013
3	Kuliah Maghrib "Ibadah wakaf dalam Islam"	Masjid Saujana Utama, Sg. Buloh	22 Ogos 2013
4	Taklimat dan promosi WSM kepada kakitangan Pejabat Pelajaran Wilayah Sentul	Pejabat Pelajaran Wilayah Sentul, Sentul	3 September 2013
5	Ceramah wakaf bersama Dr Zulkifli Al-Bakri kepada kakitangan Felda Holdings	Dewan Merak Kayangan, Balai Felda, K.Lumpur	25 September 2013
6	Tazkirah Wakaf sebelum solat Jumaat	Masjid Usamah bin Zaid, Wangsa Maju	27 September 2013
7	Tazkirah Wakaf sebelum solat Jumaat	Masjid Sg Choh, Rawang	27 September 2013
8	Taklimat wakaf dan promosi WSM	UEM Group Berhad, K.Lumpur	30 September 2013

1.2 Majlis Penyerahan Sumbangan WSM

BIL	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1	Majlis penyerahan peralatan perubatan kepada Penghuni Pusat Kebajikan Al-Fikrah, Kajang	Pusat Kebajikan Al-Fikrah, Kajang	3 Ogos 2013
2	Majlis Penyerahan 2 buah Mesin Dialisis kepada Pusat Dialisis Nur 'Ain (DNA)	Pusat Dialisis Nur 'Ain, Rawang	7 September 2013

2.0 Jumlah Kutipan Bulanan WSM (Julai 2013 - September 2013):

TAHUN	BULAN	JUMLAH BULANAN (RM)	JUMLAH BESAR (RM)
Baki dana WSM sehingga 30/6/2013			2,060,768.72
2013	Julai	203,592.86	515,666.01
	Ogos	178,179.51	
	September	133,893.64	
JUMLAH KESELURUHAN DANA PADA 30/9/2013			2,576,434.73

Nota :

1. Dana Asas ialah sumbangan tunai yang diterima dari pewakaf
2. Dana Manfaat ialah hasil atau keuntungan yang diterima bersumberkan dana asas seperti hibah dari simpanan akaun dana asas atau keuntungan pelaburan dana asas.

3.0 Pengeluaran Dana WSM (Julai – September 2013)

Pihak JPB amat perihatin dalam memastikan pahala para pewakaf tidak ditangguhkan walaupun dana wakaf terkumpul masih belum besar. Atas faktor ini, JPB memutuskan untuk melaksanakan projek wakaf yang mana jangkamasa pelaksanaannya pendek dan hanya memerlukan dana yang tidak besar.

Atas pertimbangan jumlah dana terkumpul yang masih lagi sederhana, JPB telah meluluskan pengeluaran dana WSM bagi tiga projek pada bulan Julai hingga September 2013, seperti berikut :

BIL	PROJEK SUMBANGAN WSM	AMAUN KELUAR (RM)
A	Projek WSM	
1	Sebuah Mesin Embosser, Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis)	14,633.80
2	Klinik Bergerak	254,900.00

3	Peralatan Perubatan, Pusat Jagaan Al-Fikrah, Kajang (5 unit <i>Oxygen concentrator</i> , 5 unit <i>portable suction pump</i> , 5 unit <i>Ripple Mattress</i> , 10 unit <i>Standard Wheelchair</i> , 10 unit <i>Walking Frame</i> , 5 unit <i>3 Crank Hospital Bed</i> , 10 unit <i>Adjustable Crutches</i>)	35,600.00
Jumlah Pengeluaran (Julai - September 2013)		305,133.80
JUMLAH DANA SEMASA WSM SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2013		2,271,300.93